

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 11/11/2016

Muka surat: 6

Tajuk : 70 peratus graduan UNIMAS bekerja selepas tamat pengajian

70 peratus graduan UNIMAS bekerja selepas tamat pengajian

KUCHING: Setakat Oktober tahun ini hampir 70 peratus graduan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) bekerja selepas menamatkan pengajian masing-masing.

Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Saudi berkata jumlah itu dijangka meingkat kepada 80 peratus penghujung tahun ini.

"Kebolehpasaran graduan UNIMAS setakat sebelum Majlis Konvokesyen 2016 menghampiri 70 peratus dan kita menjangka menjelang hujung tahun ia mampu mencecah 80 peratus.

"Bagi saya ia angka dibanggakan, sebab apabila pelajar menamatkan pengajian tidak semesti mereka terus mahu bekerja sebaliknya melakukan aktiviti lain sep-

erti mengembara, merantau atau suatu tidak sempat dilakukan sebelum ini," katanya pada sidang media di sini semalam.

Bagaimanapun katanya kebolehpasaran graduan UNIMAS bergantung kepada bidang serta jurusan pengajian diambil sebaga contoh peratusan graduan perubatan dan kejururawatan tinggi iaitu hampir 100 peratus.

Manakala jurusan lain seperti kejuruteraan, sains komputer dan teknologi maklumat hampir 80 peratus akan mendapat pekerjaan selepas menamatkan pengajian.

"Graduan disiplin lain seperti Sosial Sains dan Seni Halus misalnya mungkin mereka berdepan sedikit cabaran untuk mendapat pekerjaan segera tetapi kita

tidak risau kerana mereka dilengkapi kemahiran tertentu bagi membolehkan mereka mengadapati persekitaran pekerjaan baharu," jelasnya.

Ini kerana katanya objektif UNIMAS ialah menyediakan pelajar holistik dan boleh berinteraksi baik dengan masyarakat luar.

Menyedari kepentingan itu juga, UNIMAS katanya menjalinkan kerja sama dengan pihak berkepentingan seperti industri sama ada industri tempatan atau luar negara.

"Kita melibatkan industri dan pihak berkepentingan dalam merancang serta merangka jurusan juga disiplin ditawarkan di UNIMAS supaya graduan dihasil mempunyai kebolehan pasaran tinggi," katanya.